

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Kad Debit

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK (Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda mengambil keputusan untuk memohon Kad Debit Mastercard UOB. Pastikan bahawa anda juga membaca terma dan syarat am.)	United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (Company Reg No. 199301017069 (271809-K)) Kad Debit Mastercard UOB 1 Ogos 2021
1. Apakah produk ini?	
<p>Ini adalah kad debit yang dikeluarkan oleh United Overseas (Malaysia) Bhd (“Bank”) untuk kegunaan di Mesin Juruwang Automatik (ATM), terminal Pemindahan Dana Elektronik di Tempat Jualan (EFTPOS) yang diluluskan dan/atau ditetapkan atau di kaunter cawangan Bank melalui pad pin atau apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa di dalam atau di luar Malaysia.</p> <p>Kad debit ini juga berfungsi sebagai instrumen pembayaran yang membolehkan anda membayar barang dan perkhidmatan melalui akaun semasa atau simpanan konvensional atau Islamik anda. Anda perlu mengekalkan akaun deposit dengan kami, yang akan dikaitkan kepada kad debit anda. Jika anda menutup akaun deposit yang dikekalkan dengan kami, kad debit anda akan dibatalkan secara automatik.</p> <p>Kad debit ini mengandungi dua jenama kad debit – MyDebit yang boleh digunakan di Malaysia, dan Mastercard yang membenarkan kad anda diterima di luar negara dan juga di Malaysia. Dengan adanya kedua-dua jenama kad debit ini, kad debit anda boleh digunakan untuk pembayaran di lebih banyak kedai-kedai runcit di Malaysia dan luar negara.</p> <p>Apabila menggunakan kad debit ini di Malaysia, peruncit tersebut mempunyai pilihan untuk menerima dan memproses pembayaran kad anda sama ada melalui MyDebit, atau pun melalui Mastercard. Ini merupakan pilihan peruncit dan membolehkan peruncit tersebut untuk memproses pembayaran anda melalui rangkaian kad debit pilihan mereka. Sebagai makluman, anda tidak boleh meminta peruncit untuk menukar rangkaian kad debit pilihan mereka.</p>	
<p>Ciri tambahan:</p> <p><i>Ciri Transaksi Tanpa Sentuhan</i></p> <ul style="list-style-type: none">• Cepat dan mudah untuk membuat pembelian dengan hanya menyentuh Kad Debit UOB Mastercard anda yang mempunyai logo tanpa sentuhan pada terminal tanpa sentuh yang mempunyai logo Mastercard PayPass atau MyDebit bagi pembelian sehingga RM250 tanpa memerlukan PIN anda atau tandatangan untuk memberi kuasa transaksi.• Ciri ini berfungsi secara automatik untuk anda dan anda boleh memilih untuk tidak menggunakan ciri ini dengan membuat permintaan di mana-mana cawangan kami.• Transaksi Tanpa Sentuhan adalah dilindungi oleh beberapa had seperti RM250¹ bagi setiap transaksi dan RM800² aman transaksi berturutan kumulatif.<ul style="list-style-type: none">¹ Sekiranya setiap transaksi melebihi had RM250, anda perlu memasukkan PIN atau tandatangan untuk mengesahkan transaksi.² Sekiranya amaun transaksi berturutan kumulatif melebihi RM800, anda perlu memasukkan PIN atau tandatangan untuk mengesahkan transaksi. Pengiraan ini akan ditetapkan semula setiap kali transaksi sentuhan dibuat.	
2. Apakah yang boleh saya peroleh daripada produk ini?	
<p>Kad debit ini menawarkan cara yang lebih mudah untuk berbelanja tanpa perlu membawa wang tunai pada setiap masa. Anda perlu mendepositkan wang ke dalam akaun semasa/akaun simpanan konvensional/Islamik anda supaya dapat membeli-belah dengan kad debit anda. Jumlah amaun yang anda belanjakan akan ditolak terus daripada baki akaun semasa/simpanan konvensional/ Islamik anda. Kad debit juga membolehkan belanjawan yang lebih efisien serta kawalan wang tanpa perlu bimbang mengenai hutang atau kehilangan wang tunai.</p> <p>Anda juga boleh mengaturkan pembayaran automatik untuk bil utiliti bulanan anda bagi mengelakkan caj lewat dan gangguan perkhidmatan.</p> <p>Fungsi di terminal Tempat Jualan (POS) pada kad debit anda telah diaktifkan dan had pembelian telah ditetapkan terlebih dahulu. Jika anda berumur 18 tahun dan ke atas, had <i>default</i> harian ialah RM3,000 dengan had maksimum yang dibenarkan sebanyak RM10,000 untuk kad debit generik. Had <i>default</i> harian dan had maksimum yang dibenarkan untuk kad debit <i>privilege</i> adalah RM15,000. Jika anda berumur 12 tahun hingga 17 tahun, had <i>default</i> harian dan had maksimum yang dibenarkan ialah RM3,000. Anda boleh mengubah had ini di mana-mana Cawangan UOBM kami.</p> <p>Sebelum menggunakan kad debit anda di luar negara untuk membeli-belah atau pengeluaran melalui ATM dan transaksi tanpa kad (CNP) (termasuk bukan-3D Secure dalam talian, auto-debit, pesanan mel atau pesanan telefon), sila pastikan bahawa anda telah memilih untuk membuat transaksi tersebut dan anda mempunyai dana yang mencukupi dalam akaun semasa/simpanan anda bagi mengelakkan gangguan perkhidmatan.</p> <p>Untuk keselamatan tambahan, peringatan melalui SMS akan dihantar, tanpa sebarang kos kepada anda, ke nombor telefon bimbit anda yang didaftarkan dengan Bank setiap kali jumlah pembelian sekurang-kurangnya RM500 dilakukan pada kad debit anda untuk transaksi pembelian di terminal POS.</p>	

Peringatan melalui SMS juga akan dihantar untuk yang berikut:

- (a) Transaksi dalam talian
- (b) Transaksi melalui arahan mel dan telefon

Untuk melindungi daripada penipuan, anda akan menerima Kod Pengesahan melalui SMS untuk mengesahkan pembelian yang anda lakukan secara dalam talian.

Pelan pembayaran ansuran tidak dibenarkan pada kad debit.

3. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Fi dan caj	Pelanggan Private/ Privilege/ Wealth Banking	Pelanggan Lain
Fi (Pengeluaran kad dan Tahunan)		RM8.00
Fi penggantian kad yang hilang/dicuri/rosak		RM8.00
Pengeluaran Tunai di ATM UOB Group luar negara		Percuma
Pengeluaran Tunai di ATM MEPS (ATM dimiliki oleh ahli bank yang menyertai MEPS/PayNet)	Percuma	RM1.00 setiap pengeluaran
Pengeluaran Tunai di ATM HOUSE		RM1.00 setiap pengeluaran
Pengeluaran Tunai di ATM rangkaian Mastercard		RM12.00 setiap pengeluaran
Fi pertukaran transaksi luar negara	Jika anda menggunakan Kad Debit untuk Pengeluaran Tunai atau untuk transaksi dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia, ia tersebut akan ditukar melalui Mastercard Worldwide pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Mastercard Worldwide pada tarikh transaksi dicatatkan. Selain itu, kos pentadbiran sebanyak 1% atau kadar lain sedemikian yang ditentukan oleh kami untuk penukaran transaksi yang dilakukan dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia akan dikenakan kepada anda Sekiranya anda memilih urus niaga mata wang asing untuk ditukar kepada Ringgit Malaysia melalui perkhidmatan Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC), kadar pertukaran untuk DCC akan ditentukan oleh pedagang luar negara yang berkaitan. Sila ambil perhatian bahawa kadar pertukaran yang digunakan oleh pedagang yang berkaitan untuk penukaran mungkin lebih tinggi daripada kadar pertukaran seperti yang ditentukan oleh Mastercard International apabila anda membayar dalam mata wang asing	
Tambah nilai prabayar mudah alih ATM antara bank		Percuma
Pertanyaan baki		Percuma
Fi Mendapat Balik Draf Jualan <ul style="list-style-type: none">• Fotostat• Salinan asal		RM5.00 setiap draf RM15.00 setiap draf

4. Apakah terma dan syarat utama?

Amaun pra-kebenaran sebanyak RM200 akan dikenakan ke atas akaun bank anda apabila anda melakukan pembayaran menggunakan Kad Debit di dispenser pam minyak automatik. Bank hanya akan mencatat amaun sebenar transaksi dan melepaskan apa-apa amaun pegangan dari akaun anda dalam tempoh 3 hari bekerja selepas tarikh transaksi.

5. Apakah akan berlaku jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Kad Debit dan Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) anda disimpan dengan selamat pada setiap masa.

Anda akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang berasaskan PIN jika anda:

- melakukan penipuan
- terlewat dalam memberitahu kami secepat mungkin selepas mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad debit anda;
- mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela; atau
- merekodkan PIN anda pada kad debit, atau pada apa-apa benda yang disimpan berdekatan dengan kad debit anda.

Anda akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau transaksi tanpa sentuhan, jika anda:

- melakukan penipuan
- terlewat dalam memberitahu kami secepat mungkin selepas mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad debit anda;
- meninggalkan kad debit anda atau barang yang mengandungi kad debit anda, tanpa jagaan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
- membenarkan orang lain secara sukarela menggunakan kad debit anda.

6. Apakah risiko-risiko utama?

Anda mesti memaklumkan kami dengan serta-merta setelah mendapati Kad Debit anda telah hilang atau dicuri, atau nombor PIN terjejas, atau jika anda mengesyaki bahawa satu transaksi yang tidak dibenarkan telah dilakukan ke atas Kad Debit anda supaya kami dapat menyekat kad anda.

7. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua surat-menyerat sampai kepada anda tepat pada masanya.

8. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Panggilan UOB 24 jam kami di:

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd

- Kuala Lumpur (6) 03-26128 121
- Pulau Pinang (6) 04-2401 121
- Johor Bahru (6) 07-2881 121
- Kuching (6) 082-287 121
- Kota Kinabalu (6) 088-477 121

Faks : 03-26900121

Emel : uobcustomerservice@uob.com.my

Anda juga boleh layari laman web kami di www.uob.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan UOB yang berdekatan.

9. Paket kad debit lain yang disediakan

Tiada

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 1 Ogos 2021.



Right By You